SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 27 OKTOBER 2026 (SELASA)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar **dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **kod bidang 050201 dan 050202** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	KAEDAH PEROLEHAN
1.	Tender Pembekalan Salmeterol 50mcg & Fluticasone Propionate 500mcg Inhalation Sebanyak 126,060 Each Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (Pool Procurement) **No. Tender : QT260000000030086**	188/2026	Secara ePerolehan
2.	Tender Pembekalan Levodopa 100mg & Benserazide 25mg HBS Capsule Sebanyak 8,110,800 Kapsul Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement) **No. Tender : QT260000000029950**	189/2026	
3.	Tender Pembekalan Ketoprofen 30mg Transdermal Plaster Sebanyak 11,581,200 Each Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement) **No. Tender : QT260000000030092**	190/2026	
4.	Tender Pembekalan Entacapone 200mg Tablet Sebanyak 3,765,700 Tablet Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (Pool Procurement) **No. Tender : QT260000000029960**	191/2026	
5.	Tender Pembekalan Terlipressin 1mg Injection Sebanyak 137,450 Ampul/Vial Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (Pool Procurement) **No. Tender : QT260000000029974**	192/2026	
*** PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**			

Telecenter:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325

Dokumen Tender boleh disemak mulai **27 Oktober 2026 (Selasa) dengan melayari www.eperolehan.gov.my.**

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled.* Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara ***Auto Invite*** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk *(key-in)* ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **18 November 2026 (Rabu), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran *(one-time payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran *(multiple payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia